

# Hadiah dan Rasuah: Semuanya bermula dari hati

"INI ada hadiah sikit aku nak bagi kau. Tak de laa besar sangat, tapi niat aku ikhlas."



"Aikkk, tak pernah-pernah kau bagi hadiah kat aku sebelum ni."

"Alaaa.. saja je aku nak bagi, manalah tau lepas ni ada tender berjuta-juta nak masuk, kau tolong aku, aku bagilah laa lagi... Kan senang kerja kita kalau macam tu."

"Ya tak ya jugak... Setidak-tidaknya hilanglah penat aku sikit bila dapat hadiah yang kau bagi ni. Apa-apa pun terima kasih ya..."

Perbualan di atas sudah tentu biasa kedengaran setelah selesainya suatu urusan tugas atau pekerjaan yang diberikan. Tidak kiralah sama ada ia bertaraf korporat atau bukan, pasti ada orang yang 'ringan tangan' menghulurkan sesuatu sebagai buah tangan atau sagu hati kepada pihak lain sebagai tanda penghargaan. Bagi si penerima, rata-ratanya pasti tidak berkata apa-apa sebaliknya menerima hadiah tersebut dengan hati yang terbuka tanpa melihat niat sebenar pemberian itu. Begitu juga si pemberi, senyumannya tidak lekang di bibir tatkala melihat hadiah pemberian yang disusuli dengan 'ayat manisnya' itu berjaya diterima jua.

Dalam insiden ini, persoalan yang akan berbangkit adalah niat sebenarnya. Kesukaran untuk meneka niat dalam kesamaran itu menyebabkan ada sesetengah pihak yang hanya meneri-



Dr. Azman Rahman

manya sahaja tanpa banyak soal. Cukuplah sekadar rasa dihargai, pemberian tersebut akan diambil di atas alasan-alasan tertentu seperti ingin menjaga hati, mengeratkan hubungan, ikhlas dan sebagainya.

Tetapi, sejauh manakah kesemua alasan itu mampu diterima? Bagaimana pula jika hendak tahu pemberian itu ada udang di sebalik batu atau dikiaskan sebagai hadiah? Bolehkah si penerima menolaknya sedangkan dia sendiri pun tidak tahu niat si pemberi?

Kesemua persoalan tersebut diajukan kepada Dr. Azman Rahman, penyarah Fakulti Syariah dan Perundangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Mengulas mengenai permasalahan ini, Dr. Azman menyifatkan, bezanya antara hadiah dan rasuah begitu ketara jika kita boleh baca pe-tandanya.

"Konsep memberi hadiah memang sudah diterangkan dalam Islam, iaitu satu pemberian untuk membantu sesama Islam dari segi ekonomi, sahsiah dan sebagainya di samping mengeratkan silaturahim dan kasih sayang sesama manusia ikhlas tanpa niat lain kerana Allah Taala. Berlainan dengan rasuah. Ia satu pemberian berbentuk habuan yang mempunyai tujuan

### STATISTIK 2010

SEKTOR	2010	
Penjawat Awam	293	31.0%
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	8	
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	37	
Kumpulan Sokongan	248	
<b>Awam</b>	<b>651</b>	<b>69.0%</b>
Swasta	102	
Orang Awam	545	
Politik	4	
<b>Jumlah</b>	<b>944</b>	

### STATISTIK 2011 (SEHINGGA JANUARI)

SEKTOR	2011	
Penjawat Awam	20	32.3%
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	0	
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	2	
Kumpulan Sokongan	18	
<b>Awam</b>	<b>42</b>	<b>67.7%</b>
Swasta	4	
Orang Awam	38	
Politik	0	
<b>Jumlah</b>	<b>62</b>	

tertentu dalam membatalkan atau mendapatkan hak dan kepentingan buat dirinya, serta bukan kerana Allah Taala. Apabila berlakunya situasi orang sering memberikan rasuah yang dikiaskan sebagai hadiah, ia pastinya berbentuk penindasan. Dan dianggap sebagai umpan untuk mengambil kesempatan ke atas orang lain dalam usaha memiliki suatu perkara. Ini kerana setiap manusia memang sukakan penghar-

gaan dan kebendaan," katanya memulakan bicara.

## BOLEH TOLAK TANPA JAGA HATI

Kata Dr. Azman, pemberian sebegini boleh datang dalam pelbagai bentuk dan tidak hanya sekadar wang ringgit. Malah, berleluasanya fenomena ini kerana adanya kesepakatan komunikasi antara kedua-dua belah pihak iaitu pemberi dan penerima. Jika hanya satu pihak sahaja, sudah tentu gejala ini dapat dimansuhkan dari terus merebak sejak dulu lagi.

"Bila adanya si pemberi, si penerima pasti akan mengambilnya kerana sudah menjadi adat orang kita suka terima yang diberi secara bulat-bulat dan menganggapnya sebagai hadiah. Bukannya apa, takut kalau ada orang berkecil hati atau merajuk nanti. Namun sebelum menerima, kita perlu tahu akan tujuan sebenar pemberian sesuatu itu dengan membaca petandanya sebelum dan selepas.

"Contohnya mudah, jika sebelum ini seseorang yang kita kenali seperti sahabat dan kawan yang sering memberikan sesuatu pada bila-bila masa dan tidak hanya waktu tertentu, maka ia dianggap sebagai hadiah. Begitu juga dengan sikap dan tingkah laku seseorang. Kalaulah seseorang itu tiba-tiba sahaja hendak memberi hadiah setelah menerima durian runtuh seperti pangkat, kedudukan pada waktu-waktu yang tertentu, nampak sangat hendak mengambil kesempatan dengan hadiah yang dikiaskan sebagai habuan atau rasuah," jelasnya lagi.

Ujar Dr. Azman, perkara sedemikian boleh ditolak tanpa menjaga hati orang lain kerana ternyata ia salah dari segi undang-undang Islam. Bahkan diklasifikasikan sebagai tidak mensyukuri rezeki yang dianugerahkan Allah Taala. Kata Dr. Azman, masyarakat kita tidak perlulah obsesi dengan wang ringgit sehingga menggadaikan agama dan menganggap semua itu ujian Allah di atas dunia semata-mata.

"Tiada langsung istilah darurat

## Masyarakat masih tidak sedar



Datuk Zakaria Jaafar

AL ISLAM turut menemu bual Timbalan Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Zakaria Jaafar bagi mendapatkan keterangan lanjut mengenai prosedur rasuah Akta SPRM.

"Mengikut Akta SPRM 2009, tafsiran rasuah adalah seseorang yang menerima atau memberi suapan bagi dirinya atau orang lain dengan mengharapkan balasan dengan apa-apa jua sekalipun. Rasuah ini terdapat dalam tiga bentuk iaitu memberi dan menerima, membuat tuntutan palsu serta salah guna kuasa untuk kepentingan untuk dirinya dan orang lain," ujarinya tegas.

Zakaria turut menjelaskan, rasuah boleh terjadi bukan setakat bersemuka sahaja, malah boleh berlaku dalam apa jua keadaan seperti transaksi akaun dan perantaraan orang tengah.

"Ada beberapa langkah yang kami ambil untuk mengesan gejala rasuah ini. Prosedur ini bermula apabila sumber maklumat diterima pada awalnya. Kemudian, usaha mencari mula dijalankan dengan menggeledah bahan-bahan bukti berkenaan rasuah tersebut seperti jumlah dan jenis habuan yang diberikan. Setelah itu, siasatan dijalankan sama ada adakah sumber tersebut tepat atau tidak dengan mendapatkan dokumen-dokumen tertentu dan keterangan saksi. Seandainya tepat, maka perkara ini akan didakwa ke mahkamah untuk dibicarakan. Sabit kesalahan boleh membawa hukuman penjara tidak lebih daripada 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan, atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi," jelasnya lanjut.

Zakaria juga menegaskan, peningkatan statistik yang drastik dari tahun 2009 hingga 2010 terutamanya terdiri daripada orang awam, menunjukkan masyarakat dewasa ini tidak peka dengan isu rasuah dan menerima bulat-bulat dengan alasan ia sekadar hadiah, dan tidak lebih dari itu.

"Secara keseluruhan, jumlah statistik tahun lalu dan 2009 yang dikeluarkan SPRM menunjukkan peratusan yang berlainan. Jumlah statistik tersebut dibahagikan kepada dua sektor iaitu penjawat awam dan awam. Bagi penjawat awam, jumlah peratusannya sebanyak 38.0 peratus. Manakala 62.0 peratus bagi awam pada tahun 2009. Manakala pada 2010 menyaksikan penjawat awam sebanyak 31.0 peratus dan awam sebanyak 69.0 peratus," ujarinya.

dalam hal ini sehingga sanggup mengorbankan agama demi memenuhi kepentingan duniawi. Banyak cara lain sebenarnya dalam memperoleh rezeki yang halal. Gunakanlah kejadian semula jadi yang Allah ciptakan ini dalam mencari rezeki. Memang benar kita tidak boleh menghapuskan 100 peratus gejala rasuah ini hingga akar umbi. Namun kita boleh mengurangkannya dengan ingat bahawa setiap yang tidak halal itu tiada berkatnya dari Allah dan haram pada darah daging kita," katanya.

Mengakhiri perbualan, Dr. Azman memetik kata-kata hikmah Imam Nawawi dalam kitab Al-Majmu' yang berpesan, *"Merebaknya rasuah di kalangan pemegang kuasa adalah malapetaka, bagi mereka yang melakukannya dalam masyarakat umum dengan menerima rasuah kepekaan rohaniannya akan mati, hatinya menjadi batu dan wajahnya menjadi hantu. Sedangkan orang awam, orang yang lemah tidak dapat meneruskan urusannya. Anak-anak yatim dan para balu akan terkapai-kapai, kerana tidak dapat menggalas perut."* **A**